

Bil. E. 10

UNDANG2 MENGUNTOKKAN WANG BAGI FUND2 YANG DI-TENTUKAN, 1959.

NEGERI BRUNEI

UNDANG2 No. 9 Tahun 1959.

Beta Bersetuju



D.Y.M.M. SULTAN SIR OMAR ALI
SAIFUDDIN
Brunei.

19hb. Dccember, 1959.

Satu Undang2 bagi menguntokkan wang kerana beberapa Fund Amanah Kerajaan dan membayar jumlah wang yang di-untokkan itu dari Kumpulan Wang yang Di-satukan.

(1hb. January, 1960)

Biar-lah di-undangkan oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dengan nasehat dan persetujuan Majlis Meshuarat Negeri seperti berikut:

Gelaran
pendek dan
permulaan.

1. Undang2 ini boleh di-gelar sabagai Undang2 Menguntokkan Wang bagi Fund2 yang di-tentukan, 1959, dan akan berjalan kuat kuasa-nya pada 1 haribulan January, 1960.

Penguntokan.

2. Wang sebanyak tiga puluh dua juta delapan ratus enam puluh ribu ringgit (\$32,860,000) adalah dengan ini di-untokkan bagi kegunaan berbagai2 Fund yang di-nyatakan dalam Jadual.

Kuasa Pegawai
Kewangan Negeri
memerintah supaya
di-gunakan fund yang
lebih untuk membantu
suatu fund yang
kekurangan.

3. (1) Jika keperluan Perkhidmatan Awam memerlukan di-ubah penguntokan2 yang di-beri kepada Fund2 yang di-nyatakan dalam Jadual atau bagi menguntokkan wang2 kepada sesuatu fund baharu yang di-adakan di-bawah fasal 4 bab 9 dari Perintah Perlembagaan (Peratoran Kewangan), 1959, maka Pegawai Kewangan Negeri boleh memerintah supaya di-gunakan untuk membantu sesuatu fund yang kekurangan atau sesuatu fund baharu wang tambahan dari sesuatu penguntokan yang berlebihan yang di-untokkan bagi fund yang lain;

S.112/59.

Di-sharatkan bahawa wang² yang di-untokkan bagi tiap² fund tiada boleh berjumlah lebih dari wang yang di-untokkan oleh bab 2.

(2) Bab ini tidak akan di-pakai bagi pe-
nguntokan Fund Gagasan. Fund Gagasan
di-kechualikan.

4. Sesuatu wang yang telah di-tarek balek menurut kuasa Undang² ini dan telah di-kembali-kan ka-dalam Kira² Hasil menurut fasal 5 dan 6 bab 8 dari Perintah Perlembagaan (Peratoran Kewanangan), 1959, boleh jika Pegawai Kewanangan Ne-geri menghendaki di-keluarkan lagi bagi maksud² yang ianya di-untokkan oleh bab 2. Mengeluarkan
semula wang²
yang di-tarek
balek.

5. (1) Wang² yang di-untokkan di-bawah Un-
dang² ini tiada boleh di-gunakan bagi maksud²
perbelanjaan yang tidak boleh di-dapati semula. Wang² yang
di-untokkan ti-
ada boleh di-gu-
nakan bagi mak-
sud² perbelanja-
an yang tidak
boleh di-dapati
semula.

(2) Jika wang yang di-untokkan di-bawah
Undang² ini bagi sesuatu fund di-hapuskan dari
kira² menurut bab 15 dari Perintah Perlembagaan
(Peratoran Kewanangan), 1959, maka wang yang
sebanyak itu hendaklah di-bayar kepada fund itu
dari wang² yang di-adakan oleh Undang² Perbe-
kalan. Menggantikan
wang² yang
di-hapuskan
dari kira²

6. Wang yang di-untokkan oleh bab 2 ada-
lah dengan ini di-bayar dari Kumpulan Wang yang
di-satukan. Di-bayar dari
kumpulan wang
yang di-satukan

J A D U A L

Gelaran Fund	Jumlah yang di-untokkan
Fund Gagasan	\$5,000,000
Fund Pinjaman ² Rumah	5,200,000
Fund Pinjaman ² Kedai	5,200,000
Fund Pinjaman ² Kemajuan	2,300,000
Fund Pinjaman ² Binatang Ternan- kan	50,000
Fund Pinjaman ² Sendiri	50,000
Fund Pinjamn ² Kenderaan	1,500,000
Fund Pinjaman ² Sendiri (Pega- wai ² Kerajaan)	800,000
Fund Pinjaman ² Rampaian	100,000

Fund Pinjaman Wang Tunai ...	10,000
Fund Kira2 Keluar Masok Antara Pertadbiran dan Wakil ...	2,400,000
Fund Kira2 Departmental Clearnce	50,000
Fund Simpanan dan Perniagaan	10,200,000
	\$32,860,000

Di-luluskan pada 16 haribulan December, 1959.

(Tanda tangan) MOHD. TAIB
*Juru Tulis Majlis Meshuarat Negeri,
Brunei.*

(SFO. 104/60. AG. 63/59)

SUSUNAN BAB2

Bab

1. Gelaran pendek dan permulaan.
2. Penguntokan.
3. Kuasa Pegawai Kewangan Negeri memerintah supaya di-gunakan fund yang lebeh untok membantu suatu fund yang kekurangan.
4. Mengeluarkan semula wang2 yang di-tarek balek.
5. Wang2 yang di-untokkan tiada boleh di-gunakan bagi maksud2 perbelanjaan yang tidak boleh di-dapati semula.
6. Di-hayar dari Kumpulan Wang Yang di-satukan.